



MAJLIS PERBANDARAN
DUNGUN

DUNGUN



JULAI - DIS 2019

EDISI 02

MS 03
LAMAN DARUL IMAN RAIH
TEMPAT KETIGA
ROYAL FLORIA PUTRAJAYA
2019

MS 05
PROGRAM PELEPASAN
ANAK PENYU

MS 07
KAWAD MERDEKA 2019
HARI KEBANSAAN
PERINGKAT TERENGGANU



ISI KANDUNGAN

LAMAN DARUL IMAN RAIH TEMPAT KETIGA ROYAL FLORIA
PUTRAJAYA 2019

MS 3

MAJLIS LAMBAIAN KASIH

MS 4

PROGRAM PELEPASAN ANAK PENYU

MS 5

PEKAN BUDAYA DAERAH DUNGUN

MS 6

SEMINAR SOCIAL IMPACT ASSESSMENT (SIA)

MS 7

KAWAD MERDEKA 2019 SAMBUTAN HARI KEBANSAAN PERINGKAT
TERENGGANU

MS 8

OPERASI PENGUATKUASAAN DI DAERAH DUNGUN (BANGUNAN TANPA
KELULUSAN DAN PERMIT SEMENTARA)

MS 9

PEMERIKSAAN PREMIS PERNIAGAAN DAERAH DUNGUN

MS 10

PROGRAM CAT PAGAR MPD

MS 11

DURIAN DAY

MS 12

KARNIVAL SUKAN MALA 2019

MS 13

LAWATAN KE KAWASAN BANJIR DAN PUSAT PERPINDAHAN BERSAMA
TUAN PEGAWAI DAERAH DUNGUN

MS 14

OPERASI PEMERIKSAAN PEGANGAN HARTA YANG MASIH BELUM MENJE
ASKAN CUKAI TAKSIRAN

MS 15

OPERASI PENIAGA TENGAH JALAN

MS 16

Dari Meja Yang di-Pertua


Assalamualaikum w.b.t, dan Selamat Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana telah memberi keizinan kepada kita untuk melangkah ke tahun baru ini. Tahun 2018 telah pun melabuhkan tirainya. Saya berdoa agar tahun 2019 ini akan lebih bermanfaat serta menjadi lembaran baru buat seluruh warga MPD amnya. Sedar tak sedar, tahun 2018 berlalu dengan pantas meski pun banyak cabaran dan dugaan telah pun kita lalui. MPD juga telah melangkah jauh untuk meneruskan agenda yang telah ditetapkan.

Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada warga MPD yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang sepanjang tahun 2018. Sesungguhnya warga MPD mempunyai komitmen yang amat tinggi dalam melaksanakan tugas terutamanya dalam melaksanakan semua aktiviti dan program MPD dengan jayanya. **TAHNIAH** diucapkan!

Oleh itu, saya berharap pada tahun 2019 ini kita dapat meningkatkan lagi mutu kualiti perkhidmatan MPD dan marilah kita bersama-sama menyumbang tenaga dan idea dalam memajukan MPD ke peringkat antarabangsa. Saya bukan ingin bercakap kosong namun biarlah matlamat yang ingin dicapai dan sasaran kita tinggi agar kita semua berusaha untuk mencapai ke arah matlamat yang ditetapkan.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan "Selamat Menyambut Tahun Baru 2019". Sekian, terima kasih.



LIZAN BIN CHE MAT
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN

PENAUNG
TUAN HAJI LIZAN BIN CHE MAT
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN

PENASIHAT
TUAN HAJI LUKEMA MERI BIN SALLEH
SETIAUSAHA MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN

KETUA EDITOR
WAN NABILA AISHA BINTI WAN BAKHRI
PEGAWAI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM

PENOLONG KETUA EDITOR
MOHD IZZAT FIKRI BIN ABDULLAH
MOHD ZULFADHLI BIN ARIFIN

JURUGAMBAR
TENGGU MOHAMMAD HAFIROL BIN TENGGU MAHAMUD

Buletin ini diterbitkan oleh
UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM,
MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN

Jalan Yahya Ahmad,
23000 Dungun, Terengganu.

✉ mpdungun@terengganu.gov.my

☎ Tel : 09-8481931

☎ Fax : 09-8483210

🌐 mpd.terengganu.gov.my

📘 facebook.com/mpdungun

🐦 twitter.com/mpdungun



LAMAN DARUL IMAN RAIH TEMPAT KETIGA ROYAL FLORIA PUTRAJAYA 2019

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah berjaya meraih tempat ketiga dalam kategori Corporate Garden Award sempena festival landskap terbesar di negara ini; Floria DiRaja Putrajaya 2019.

Laman Darul Iman memaparkan replika Terengganu Drawbridge dan Batu Bersurat sebagai tarikan utama pengunjung. Turut dihiasi adalah variasi orkid dan bonsai termasuk spesies "tiger orchid" dan bonsai ginseng yang mempunyai akar yang unik.

Reka bentuk dan pembinaan laman ini diketuai oleh Majlis Perbandaran Dungun, dan dibantu oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Majlis Perbandaran Kemaman, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, dan lain lain. Persiapan laman ini memakan masa tiga minggu dengan kos sebanyak RM180,000.

Perasmian Floria DiRaja Putrajaya 2019 disempurnakan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pada 30 Ogos 2019.

KDYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong turut berkenan meluangkan masa melawat Laman Darul Iman. Turut hadir, Mufti Wilayah Persekutuan; Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri.



Majlis Lambaian Kasih

SETIAUSAHA

Fadli Yusof bin Haji Zakaria

PENGARAH JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Mohd Milzam bin Nur Anuar

Warga Majlis Perbandaran Dungun (MPD) meraikan hari terakhir Setiausaha; Encik Fadli Yusof bin Haji Zakaria dan Pengarah Khidmat Pengurusan; Encik Milzam bin Nur Anuar yang akan bertukar ke jabatan lain bermula 3 November 2019. Turut diraikan, pesara pesara MPD iaitu Mohamed bin Awang dan Zakaria bin Othman yang bersara pada tahun ini. Encik Fadli Yusof akan bertukar ke Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) sebagai Setiausaha manakala Encik Milzam akan bertukar ke Pejabat Daerah Setiu sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah. Mereka berdua adalah antara 49 Pegawai Tadbir Negeri yang terlibat dengan pertukaran bagi memantapkan lagi urusan pentadbiran negeri. Bagi pesara, Mohamed bin Awang yang merupakan Pembantu Awam Gred H11 bersara pada 21 Ogos 2019 setelah berkhidmat selama 34 tahun di MPD, manakala Zakaria bin Othman yang merupakan Pemandu Kenderaan Gred H14 telah bersara pada 1 Ogos 2019 setelah 35 tahun mencurahkan bakti kepada MPD. Majlis perpisahan yang diadakan di Dewan Utama MPD ini dihadiri seramai 300 orang kakitangan MPD yang pastinya merasai kehilangan mereka semua. Semoga mereka yang bertukar dan bersara sentiasa maju jaya dalam kehidupan masing masing.



PROGRAM PELEPASAN ANAK PENYU (1000 EKOR) OLEH JABATAN PERIKANAN BERSAMA THE QAMAR PAKA

09.07.2019



PROGRAM PELEPASAN ANAK PENYU ANJURAN MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN 'SEMOGA PULANG KEMBALI'

Rantau Abang: 16 September 2019.

Bersempena cuti umum Hari Malaysia, Majlis Perbandaran Dungun dan Pejabat Perikanan Negeri Terengganu mengadakan Program Pelepasan Anak Penyu bertempat di Pusat Penerangan dan Santuari Penyu (TCIC) Rantau Abang.

Program dibanjiri lebih 5 ribu pengunjung untuk menyaksikan sebanyak 1,922 ekor anak penyu yang telah dilepaskan di pantai Rantau Abang.

Dengan bertemakan "Semoga Pulang Kembali", program ini membawa objektif utama supaya Penyu kembali mendarat di Rantau Abang



PEKAN BUDAYA DAERAH DUNGUN

19 SEPTEMBER 2019



SEMINAR SOCIAL IMPACT ASSESSMENT (SIA)

7 OKTOBER 2019

Seminar 'Social Impact Assessment' sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2019 bertempat di Dewan Utama Majlis Perbandaran Dungun

MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN



KAWAD MERDEKA 2019

SAMBUTAN HARI KEBANSAAN
PERINGKAT NEGERI TERENGGANU



Berlatar belakangan tema Pakaian tradisional yang dipilih berdasarkan Semangat Melayu Lama yang tidak pernah pudar di dalam sanubari. Tanjak yang melambangkan Kegagahan Pahlawan menentang musuh negara. Songket bersulam disematkan bendera Malaysia menimbulkan semangat patriotik "Takkan Melayu Hilang di Dunia".

16.10.2019

OPERASI PENGUATKUASAAN DI DAERAH DUNGUN : (BANGUNAN TANPA KELULUSAN DAN PERMIT SEMENTARA)



MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN (MPD) GIAT MELAKSANAKAN OPERASI PENGUATKUASAAN KE ATAS BANGUNAN TANPA KELULUSAN DAN TUNGGAKAN BAYARAN PERMIT SEMENTARA DI KAWASAN PENTADBIRANNYA BERMULA 16 OKTOBER HINGGA 16 NOVEMBER 2019.

OPERASI BANGUNAN TANPA KELULUSAN MEMBABITKAN RUMAH YANG DIBUAT BINAAN TAMBAHAN DAN UBAH SUAI RUMAH KEDIAMAN SERTA DIBINA TIDAK MENGIKUT PELAN BANGUNAN DILULUSKAN. INI KERANA BINAAN BANGUNAN BARU SERTA TAMBAHAN BANGUNAN TANPA KELULUSAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) ADALAH SATU KESALAHAN DAN BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN DI BAWAH AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 (AKTA 133).

BAGI PERMIT SEMENTARA, MANA-MANA PERMIT BANGUNAN YANG MEMPUNYAI TUNGGAKAN BAYARAN PERMIT TAHUNAN AKAN DIKENAKAN SITAAN DAN PERLU MENYELESAIKAN TUNGGAKAN PERMIT SELEWAT-LEWATNYA 31 NOVEMBER 2019.

YANG DIPERTUA MPD, LIZAN BIN CHE MAT BERKATA, OPERASI BERKENAAN MELIBATKAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN DAN JABATAN PENGUATKUASAAN DENGAN KAKITANGAN SERAMAI 40 ORANG.

“TUJUAN OPERASI INI DIADAKAN DAN DIUMUMKAN ADALAH UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA SEMUA PEMILIK PREMIS DAN BANGUNAN AGAR BERUNDING DENGAN MPD SERTA MEMATUHI PERATURAN YANG TELAH DITETAPKAN BAGI MEMASTIKAN PEMBANGUNAN LEBIH MAMPAN BERTEMAKAN MAJU BERKAT DAN SEJAHTERA” KATANYA.

BELIAU JUGA MEMINTA PEMILIK RUMAH YANG TERBABIT SUPAYA SEGERA HADIR KE JABATAN KAWALAN BANGUNAN, MPD BAGI MENDAPATKAN KETERANGAN DAN MAKLUMAT LANJUT.



PEMERIKSAAN PREMIS PERNIAGAAN DAERAH DUNGUN





PROGRAM CAT PAGAR MPD BERSAMA YANG DIPERTUA & SETIAUSAHA

DURIAN DAY



KARNIVAL SUKAN MALA 2019





02.12.2019
**LAWATAN KE
KAWASAN BANJIR DAN
PUSAT PERPINDAHAN
BERSAMA
TUAN PEGAWAI
DAERAH DUNGUN**

23.12.2019

OPERASI PEMERIKSAAN PEGANGAN HARTA YANG MASIH BELUM MENJELASKAN CUKAI TAKSIRAN





OPERASI BERSEPADU PENJAJA PERSIMPANGAN JALAN / LAMPU ISYARAT @PAKA





Beautiful Terengganu

MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN
 JALAN YAHYA AHMAD,
 23000 KUALA DUNGUN,
 TERENGGANU
 TEL : 09-8481931
 FAX : 09-8483210

Legend

- East Coast
- Expressway Phase 2
- Coastal Road
- Main Road